

**Kata Kunci:**  
**Jalanan / Hubungan**  
**Rehat**  
**Sibuk**  
**Tenang**



**Majlis Ugama Islam Singapura**

**Khutbah Jumaat**

**12 Disember 2025 / 21 Jamadilakhir 1447H**

**Jalanan yang Menjana Ketenangan**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَ الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ، وَأَمَرَنَا بِالتَّقْوَى وَالْخُلُقِ  
الْكَرِيمِ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا  
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ  
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ  
مُسْلِمُونَ.

**Zumratal mukminin rahimakumullah,**

Bertakwalah kepada Allah s.w.t. dengan mentaati segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Hiasilah diri kita dengan iman kepada Allah dan akhlak murni terhadap sekalian makhluknya. Berikan hak dan laksanakan tanggungjawab kita kepada mereka yang selayaknya. Semoga Allah s.w.t. terus memberikan kita **ketenangan** dan ketetapan iman sehingga ke penghujung nyawa. Amin, ya Rabbal 'Alamin.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Bagi ramai antara kita, penghujung tahun ini adalah masa untuk kita **merehatkan** diri, badan dan fikiran. Setelah bertungkus lumus sepanjang tahun dengan tugas, pembelajaran dan sebagainya, kadangkala kita terlepas pandang dan kurang memberi tumpuan terhadap kebajikan serta maslahat diri kita sendiri.

Apabila kita dapat **berehat** sejenak, meniti hari dengan lebih santai, tanpa kerisauan kerana dikejar rutin harian, insya-Allah kita akan bangkit lebih segar dan dapat melakukan setiap perkara dengan lebih peka dan penuh penghayatan. Dalam urusan dunia, kita akan lebih **tenang**, lebih memberikan tumpuan pada kesihatan, kebajikan diri, ketenangan minda dan seterusnya.

Dalam urusan akhirat pula, solat dan semua ibadah yang kita kerjakan akan terasa lebih manis dan bermakna, lantas ia lebih berkesan dalam memberikan kita **ketenangan** yang sewajarnya sebagai orang beriman. Bukankah Allah s.w.t. telah berfirman, dalam Surah Ar-Ra'd, ayat 28:

الَّذِينَ ءَامَنُوا وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ ﴿٢٨﴾

Yang bermaksud: “(Iaitu) orang-orang yang beriman dan **tenang** tenteram hati mereka dengan mengingat Allah (zikrullah). Ketahuilah, dengan mengingat Allah, hati menjadi **tenang**.”

**Saudara yang dirahmati Allah,**

Benar, kita harap bahawa **kesibukan** kita selama ini telah dicurahkan ke arah kebaikan. Semoga ia diterima di sisi Tuhan. Namun, ada kalanya, kita juga perlu untuk memberi hak kepada diri kita untuk keluar sejenak dari **kesibukan** tersebut, demi kebaikan diri kita dan kebajikan orang-orang yang kita kasihi. Apakah sandaran kata-kata saya ini?

Izinkan saya berkongsi sepotong hadis riwayat Imam Al-Bukhari dan Muslim dalam hal ini. Sila amati kisah berikut:

Pada zaman Rasulullah s.a.w., terdapat seorang wanita yang berbicara tentang keadaan suaminya. Suaminya adalah seorang yang baik, begitu rajin dan sungguh-sungguh dalam melakukan amal soleh. Beliau berpuasa setiap hari tanpa putus dan menghabiskan setiap malam dengan ibadah qiamullail. Namun, disebabkan kesungguhannya itu, beliau tidak pernah bersama dan bergaul dengan isterinya, sebagaimana kebiasaan dalam **hubungan** suami isteri.

Apabila perkara ini disampaikan kepada Rasulullah s.a.w., Baginda meminta penjelasan daripada lelaki itu. Lelaki tersebut mengesahkan kepada Nabi s.a.w. bahawa beliau berpuasa setiap hari dan berqiamullail setiap malam. Lalu apakah teguran Rasulullah s.a.w. kepada beliau? Baginda s.a.w. menyuruh beliau supaya merenggangkan hari puasanya dan **berehat** pada sesetengah malam.

Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud: *“Sesungguhnya, tubuhmu mempunyai hak ke atas dirimu. Matamu mempunyai hak ke atas dirimu. Dan isterimu juga mempunyai hak ke atas dirimu.”*

### **Sidang Jumaat yang dikasihi Allah,**

Jelas daripada hadis tadi bahawa menurut prinsip Islam, tidak menjadi sesuatu kesalahan, malah kadangkala menjadi keperluan dan besar manfaatnya, untuk kita mengurangkan dan mengatur **kesibukan**. Sejajar dengan ini, mimbar ingin menyarankan tiga **hubungan** atau **jalinan** yang wajar diberi tumpuan, terutama di kala kita ambil masa **merehatkan** diri di penghujung tahun ini:

#### **Pertama: Jalinan kita dengan Allah s.w.t.**

Dalam **kesibukan** kita, ada kalanya **hubungan** kita dengan Allah s.w.t. menjadi renggang, tanpa disedari. Contohnya, kita menjaga solat, tetapi kita solat dengan seringkas mungkin, kurang khusyuk dan bergegas kembali kepada pekerjaan dan tugas masing-masing. Pada musim cuti ini, perlahankanlah solat dengan penuh tumakninah. Hayati setiap takbir, bacaan dan doa yang kita lafazkan dalam solat. Jadikan ia detik untuk menghadirkan hati, bukan sekadar menyempurnakan tuntutan.

Jika sepanjang tahun kita kurang membaca Al-Quran atau beramal, gunakanlah masa ini untuk **menjalin** semula **hubungan** kerohanian. Mulakan dengan amalan sunnah yang

ringan, seperti Solat Dhuha, memperbanyakkan selawat dan berzikir apabila mengembara dan mengagumi bumi ciptaan Illahi. Lakukanlah mengikut kadar kemampuan. Ingatlah, yang lebih utama bukanlah bilangan atau kuantiti, tetapi mutu atau kualiti dalam setiap amalan.

## **Kedua: Menjaga kebajikan diri sendiri**

Saudara, selain **hubungan** kita dengan Allah s.w.t., kita juga perlu memberi perhatian kepada kebajikan diri sendiri, seperti yang disebutkan dalam hadis tadi.

Kadangkala kita terlalu **sibuk** mengejar tugas dan tanggungjawab sepanjang tahun, sehingga kita sendiri tidak sempat berhenti dan bertanya: *Apakah yang kita sendiri perlukan? Apakah perkara yang telah lama diabaikan?*

Setiap daripada kita mempunyai cabaran berbeza. Ada yang bergelut dengan tekanan kerja mahupun tugas akademik yang berat, sehingga menjejaskan kesihatan mental dan emosi.

Memberi tumpuan kepada keadaan diri sendiri bukan tanda kelemahan. Bahkan, ia tanda kesedaran bahawa tubuh dan jiwa ini adalah amanah yang perlu dipelihara. Gunakanlah waktu ini untuk memperbaiki semangat dalaman, memulihkan tenaga dan mengembalikan **ketenangan** jiwa. Ini kerana seorang mukmin yang sentiasa segar dan kuat jasad, emosi dan fikirannya akan lebih mampu berkhidmat kepada agama, masyarakat dan dirinya sendiri.

### **Ketiga: Jalinan dengan keluarga dan orang tersayang**

Dalam **kesibukan** kita sepanjang tahun, masa dengan keluarga sering mudah terkorban. Sedangkan keluarga adalah asas kehidupan dan kesejahteraan.

Pada waktu ini, fikirkan bagaimana kita boleh merapatkan semula **hubungan** dengan keluarga. Luangkan masa untuk bertanya khabar, melakukan aktiviti bersama dan menghadirkan diri dengan sepenuh perhatian. Masa ini boleh menjadi titik permulaan untuk menghidupkan kembali suasana kasih sayang dan kemesraan. Jadikanlah keluarga sebagai medan pertama kita menzahirkan akhlak mulia, kesabaran dan kebaikan.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Penghujung tahun ini ialah ruang untuk kita berhenti sejenak dan mengembalikan **ketenangan**. Perkukuhkanlah **hubungan** kita dengan Allah s.w.t., jaga kebajikan diri dan dekatkan semula **hubungan** dengan keluarga dan insan tersayang.

Semoga dengan kita memanfaatkan masa ini sepenuhnya, Allah s.w.t. menyuburkan iman kita, **menenangkan** jiwa kita, dan membuka pintu kebaikan dan keberkatan dalam kehidupan. Amin, ya Rabbal ‘Alamin.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ  
الرَّحِيمُ.

## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى فِيمَا أَمَرَ، وَانْتَهُوا عَمَّا نَهَاكُمْ عَنْهُ وَزَجَرَ.

أَلَا صَلُّوا وَسَلِّمُوا عَلَى النَّبِيِّ الْمُصْطَفَى، فَقَدْ أَمَرَنَا اللَّهُ بِذَلِكَ حَيْثُ قَالَ فِي كِتَابِهِ الْغَرِيزِ: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهَدِّينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرُ وَعُثْمَانُ وَعَلِيٌّ، وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ وَالتَّابِعِينَ، وَتَابِعِي التَّابِعِينَ، وَعَنْ مَعَهُمْ وَفِيهِمْ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالزَّلَازِلَ وَالْمَحَنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، عَنِ بَلَدِنَا خَاصَّةً، وَسَائِرِ الْبُلْدَانِ عَامَّةً، يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْتَضْعِفِينَ فِي عَزَّةٍ وَفِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ مَكَانٍ عَامَّةً، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ. اللَّهُمَّ بَدِّلْ خَوْفَهُمْ أَمْنًا، وَحُزْنَهُمْ فَرَحًا، وَهَمَّهُمْ فَرَجًا، يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اكْتُبِ السَّلَامَ وَالْأَمْنَ وَالْأَمَانَ لِلْعَالَمِ كُلِّهِ

وَلِلنَّاسِ أَجْمَعِينَ. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً، وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً، وَقِنَا عَذَابَ  
النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يُأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى، وَيَنْهَى عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ، يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ، فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ  
يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ  
اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.